

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGEDARAN
ANGKASA DENGAN KERJASAMA CJ
CENTURY LOGISTICS SDN BHD**

**4 OGOS 2026 (SELASA)
2.30 PETANG
NO. 12, PERSIARAN ASTANA/KU2
BANDAR BUKIT RAJA, KLANG
SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia MADANI dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Perasmian Pusat Pengedaran ANGKASA dengan Kerjasama CJ Century Logistics Sdn. Bhd.** pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak **CJ Century Logistics Sdn. Bhd.** atas kesediaan menjalankan kerjasama strategik bersama ANGKASA. Majlis pada hari ini merupakan satu langkah strategik dalam usaha ANGKASA memperkukuhkan ekosistem perniagaan gerakan koperasi negara.
3. Pusat Pengedaran ANGKASA ini mencerminkan kesungguhan kita untuk membawa koperasi ke tahap yang lebih tinggi melalui pembangunan infrastruktur serta

ekosistem yang lebih moden buat Gerakan koperasi negara.

Hadirin yang dihormati

4. Gerakan koperasi Malaysia hari ini telah berkembang menjadi salah satu sektor ekonomi rakyat yang penting. Berdasarkan statistik terkini sehingga **31 Disember 2025**, negara merekodkan sebanyak **16,468 buah koperasi** dengan keanggotaan seramai **7.33 juta orang**, jumlah aset bernilai **RM186.75 bilion** serta perolehan mencecah **RM81.62 bilion**.
5. Angka ini menunjukkan bahawa koperasi bukan lagi sekadar platform ekonomi yang menyokong pertumbuhan dari segi komuniti tetapi telah menjadi pemain industri penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
6. Prestasi ini turut menunjukkan perkembangan yang amat positif

apabila aset koperasi meningkat sebanyak **7.5 peratus**, manakala perolehan koperasi mencatatkan peningkatan hampir **20 peratus** berbanding tahun sebelumnya.

7. Ianya juga memberi gambaran bahawa semakin banyak koperasi berjaya mengembangkan aktiviti perniagaan mereka dalam pelbagai sektor. Namun, peningkatan skala perniagaan ini perlu disokong dengan sistem operasi dan rangkaian bekalan yang lebih kukuh.

8. Keperluan memperkukuhkan aspek logistik ini juga selari dengan perkembangan ekonomi negara yang semakin bergantung kepada kecekapan rangkaian bekalan. **Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor perkhidmatan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan positif dengan hasil keseluruhan mencecah RM2.6 trilion sepanjang tahun 2025. Pada suku keempat 2025**

sahaja, sektor ini merekodkan hasil sebanyak RM677.8 bilion, meningkat 8.0 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

9. Pertumbuhan ini turut dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, serta pengangkutan dan penyimpanan yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran aktiviti ekonomi negara. Malah, **subsektor pengangkutan dan penyimpanan terus menunjukkan prestasi kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus pada suku keempat 2025.**

Hadirin yang dihormati

10. Perubahan landskap perniagaan hari ini menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada keupayaan menghasilkan produk yang berkualiti tetapi juga kepada

kemampuan mengurus penyimpanan, inventori dan penghantaran secara pantas serta kos efektif.

11. Menyedari keperluan tersebut, ANGKASA mengambil langkah proaktif melalui **Pusat Penedaran ANGKASA** ini sebagai sebuah hab logistik berpusat yang menyokong ekosistem peruncitan koperasi. Pusat ini akan menjadi pusat penyelarasan bagi proses penyimpanan, pengurusan inventori dan penedaran produk koperasi secara lebih sistematik.
12. Kerjasama strategik bersama **CJ Century Logistics Sdn. Bhd.** pula merupakan satu pendekatan yang tepat dalam memastikan pusat penedaran ini beroperasi dengan keupayaan bertaraf industri. Dengan pengalaman luas dalam bidang logistik bersepadu serta jaringan operasi antarabangsa, CJ Century akan membantu ANGKASA memperkukuhkan kecekapan

pengurusan rantai bekalan
operasi.

- 13.** Saya difahamkan **CJ Century Logistics** mempunyai operasi di lebih **40 buah negara termasuk Malaysia, dengan rangkaian infrastruktur logistik yang luas.** Di. Di Malaysia, CJ Century mempunyai **25 buah gudang** dan **lebih 700 buah lori** yang beroperasi di seluruh negara. Kepakaran ini akan dimanfaatkan bagi memastikan produk koperasi dapat diagihkan secara lebih cekap dan meluas.

Hadirin yang dihormati

- 14.** Melalui kerjasama ini, ANGKASA akan memainkan peranan sebagai penyelaras dan pemudah cara yang menghubungkan koperasi di seluruh negara dengan penyedia perkhidmatan logistik bertaraf antarabangsa. Pendekatan ini membolehkan koperasi menikmati kemudahan logistik profesional tanpa

perlu membangun sistem pengedaran sendiri yang memerlukan kos pelaburan yang tinggi.

15. Pusat Pengedaran ANGKASA juga akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan **Program BA100**, iaitu inisiatif memperkukuhkan sektor peruncitan koperasi melalui penyediaan bekalan yang lebih tersusun. **Sehingga kini terdapat 3,646 outlet BA100 berdaftar di seluruh negara dan 7 outlet ANGKASAMART di seluruh negara.**

16. Apa yang lebih penting, **pembangunan pusat pengedaran ini akan membantu koperasi mencapai skala ekonomi yang lebih besar.** Apabila keperluan logistik koperasi digabungkan dalam satu ekosistem pengedaran sudah kos operasi dapat dioptimumkan dan pengurusan inventori dapat dipertingkatkan

Hadirin Yang Dihormati

17. Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi ANGKASA melalui **Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50)** yang memberi penekanan terhadap transformasi, digitalisasi serta pengukuhan ekosistem perniagaan koperasi. Kita mahu memastikan koperasi bukan sahaja bertahan tetapi berkembang dan mampu bersaing dalam landskap ekonomi moden.
18. Insya-Allah, menjelang tahun **2027**, Pusat Pengedaran ANGKASA menyasarkan untuk menjana pendapatan sebanyak **RM18.8 juta** melalui pelaksanaan Program BA100. Dalam tempoh lima tahun akan datang, jumlah pendapatan tersebut dijangka meningkat kepada **RM38.5 juta** hasil peluasan rangkaian pengedaran serta peningkatan penyertaan koperasi.

19. Saya percaya kerjasama antara ANGKASA dan CJ Century Logistics ini akan menjadi contoh bagaimana gabungan kepakaran industri dengan kekuatan gerakan koperasi mampu menghasilkan satu ekosistem yang lebih kukuh dan mampan. Kerjasama seperti ini amat penting dalam menghadapi cabaran ekonomi yang semakin kompetitif.

20. Saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada pihak CJ Century Logistics Sdn. Bhd. atas kepercayaan dan komitmen yang diberikan. Saya juga menyeru kepada seluruh koperasi di Malaysia agar memanfaatkan kemudahan yang diwujudkan ini sebagai platform untuk memperkukuhkan perniagaan dan memperluaskan pasaran produk koperasi.

21. Akhir kata, saya berharap **Pusat Pengedaran ANGKASA dengan Kerjasama CJ Century Logistics Sdn.**

Bhd. ini akan menjadi pemangkin kepada transformasi baharu gerakan koperasi negara. Semoga usaha ini terus memperkukuhkan rantai bekalan koperasi, meningkatkan daya saing produk koperasi serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi rakyat dan negara.

22. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Pusat Pengedaran ANGKASA dengan Kerjasama CJ Century Logistics Sdn. Bhd.** Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi